

# Banyak kes baharu

SINAR HARI

02/09/2018

FOTO: BERNAMA

m/s 21

## Program pencegahan dadah tidak berkesan

ASYRAF MUHAMMAD

PETALING JAYA

**T**imbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail semalam memberitahu, program pencegahan dadah yang dilaksanakan sebelum ini dilihat tidak berkesan.

Menurutnya, bilangan kes baharu melebihi kes berulang walaupun banyak dana di-

peruntukkan bagi tujuan itu.

Wan Azizah turut berkongsi bahawa suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhadapan masalah ketika di penjara sebelum ini apabila kebanyakan daripada banduan yang ditahan terlibat dalam gejala penyalahgunaan dadah.

"Dadah ini satu toksik bukan sahaja membabitkan penggunaannya tetapi persekitaran dan keluarga masing-masing" katanya.

Menurut beliau, penyalahgunaan dadah boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan dan tidak memberi manfaat.

Azizah berkata, berdasarkan laman web Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), jumlah penagih yang dikesan mengikut status kes yang dilaporkan pada 2017 adalah sebanyak 18,440 kes baharu



Dr Wan Azizah diiringi calon PH bagi PRK Dun Seri Setia Halimey Abu Bakar pada Karnival Komuniti Prihatin di Desa Mentari, semalam.

dan 7,482 kes berulang.

"Disebabkan itu, saya menyeru seluruh masyarakat

untuk menolak gejala dadah ini yang memberi banyak kesan buruk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Karnival Komuniti Prihatin dan Hari

info

Sebanyak 18,440 kes baharu dan 7,482 kes berulang pada 2017

Terbuka Universiti Selangor (Unisel), di Desa Mentari, di sini, semalam.

Mengulas penganjuran program tersebut, Wan Azizah berkata, inisiatif yang dilaksanakan oleh Unisel dapat memupuk kesedaran kepada masyarakat mengenai perkara berkaitan pembangunan sosial khususnya di Selangor.

Beliau berkata, slot Santai@Unisel Siri 10 dengan tajuk 'Dadah 1001 Masalah' merupakan satu pendekatan yang amat strategik kerana slot ini mengupas berkenaan isu berkaitan penyalahgunaan dadah.